

# 'JANGAN MABUK KUASA'

**JOHOR BAHRU, Ahad** — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam malam tadi mengingatkan para wakil rakyat yang berjaya dalam pilihanraya lalu supaya jangan khayal dengan kejayaan masing-masing serta mabuk kuasa.

Katanya, kejayaan yang dicapai adalah hasil kepercayaan penuh rakyat kepada mereka dan seharusnya, mereka menjalankan tanggungjawab masing-masing memenuhi hasrat rakyat yang memilih mereka.

Datuk Musa yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri dan Barisan Nasional Johor menyatakan demikian ketika berucap di majlis kesyukuran Barisan Nasional di atas kejayaan 100 peratusnya dalam pilihanraya baru lalu.

## Oleh KHAIRUDDIN HASAN

Majlis tersebut yang dihadiri oleh hampir 3,000 pekerja pilihanraya Barisan Nasional Johor diadakan diprakerangan kediaman Menteri Besar, Saujana.

Datuk Musa menyatakan memang menjadi tabiat semula jadi manusia merasa bangga bila mencapai sesuatu kejayaan.

"Kadangkala perasaan sedemikian meluap hingga kita boleh melupakan tugas dan tanggungjawab yang diletakkan oleh rakyat di bahu kita.

### Cita-cita

"Saya berharap tiada di kalangan kita akan khayal dengan kejayaan itu atau mabuk dengan kuasa yang baru mereka perolehi itu," tegas Datuk Musa.

Berhubung dengan kejayaan 100 peratus Barisan Nasional di Johor, Datuk Musa memberitahu, keputusan itu sememangnya telah menjadi cita-cita sulitnya jauh sebelum pilihanraya yang baru lalu dijalankan.

"Keyakinan saya berdasarkan kepada semangat berparti di kalangan ahli Barisan Nasional khususnya UMNO di Johor. Di sinilah kita sanggup mengeneipkan kepentingan peribadi untuk kepentingan parti.

"Yang lebih menginsafkan saya ialah hakikat bahawa di Johor, setiap mereka yang digugurkan dari pilihanraya itu juga sanggup mengeneipkan perasaan dan kepentingan peribadi mereka untuk sama

bertungkus-lumus bagi memastikan kejayaan parti.

"Syabas saya ucapkan kepada mereka. Semangat seperti ini harus dicontohi oleh yang lain," tegas Timbalan Perdana Menteri itu.

Bellau memberi contoh bekas Menteri Besar Johor, Tan Sri Othman Saat yang telah berkempen bagi parti seolah-olah beliau masih bertanding.

### Contoh

"Tan Sri Othman tidak lagi dipilih tetapi beliau telah menjelajah Johor dan berkempen seolah-olah beliau masih bertanding.

"Kegigihan dan dedikasi Tan Sri Othman terhadap parti akan saya menanamkan semangat berparti di kalangan

ahli-ahli UMNO nanti," kata Datuk Musa.

Mengenal perubahan yang dialami di Johor sejak pilihanraya umum diadakan binggalah selapas penubuhan Kerajaan baru, Datuk Musa menyatakan bahawa beliau memang menjangka timbulnya berbagai percakapan di kalangan ahli parti dan masyarakat umumnya.

"Saya dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah dua manusia yang sering memaranjatkan orang ramai, bukan saja sejak memegang kuasa tetapi dari dulu lagi dan dalam soal ini, perubahan itu adalah suatu yang sengaja dilakukan kerana politik kita mementingkan kekuatan parti yang memperjuangkan kepentingan masyarakat keseluruhannya dari kepentingan peribadi," tegasnya.

### Mengeneipkan

Tambah beliau, soal jumlah anak Johor yang menjadi menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen semakin berkurangan juga telah menimbulkan berbagai pertanyaan.

"Tetapi kita harus menerima hakikat bahawa setiap keputusan yang dibuat telah diteliti dengan sehalusnya terlebih dulu. Fucuk pimpinan yang membuat sebarang keputusan harus memikirkan kepentingan nasional terlebih dulu dari kepentingan negeri.

"Walaupun saya ingin melihat lebih ramai anak Johor memegang jawatan penting di dalam Kerajaan di peringkat Persekutuan tetapi saya juga mengakui bahawa kepentingan nasional lebih utama.

"Perdana Menteri sendiri terpaksa mengeneipkan kepentingan negeri walaupun negeri yang terlibat ialah negeri Perdana Menteri sendiri," tegas Datuk Musa.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia